

Muhyiddin dilantik Pengerusi MPN bertaraf menteri

BH - 5/9/2021 mjd: 7

Putrajaya: Bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, dilantik sebagai Pengerusi Majlis Pemulihan Negara (MPN) bertaraf menteri.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata pelantikan berkenaan sudah disebarkan maklum kepada Yang

di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

"Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 1 September lalu bersetuju melantik Muhyiddin sebagai Pengerusi Majlis Pemulihan Negara bertaraf menteri.

"Pelantikan ini dibuat atas da-

sar keyakinan kerajaan terhadap kemampuan Muhyiddin menerajui strategi pemulihan negara, demi mencapai impak ekonomi terbaik dan memulihkan semula kehidupan rakyat yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19," katanya dalam kenyataan, semalam.

Sementara itu, Muhyiddin berkata, beliau berbesar hati menerima pelantikan itu dan akan menjalankan tugas secara sukarela tanpa apa-apa imbuhan.

"Kepercayaan yang diberikan ini adalah amanah untuk saya meneruskan usaha dan perancangan dimulakan sebelum ini

untuk memulihkan negara daripada kesan wabak COVID-19.

"Saya dan anggota Majlis Pemulihan Negara akan berperanan membantu Perdana Menteri dan kerajaan membawa Malaysia melalui fasa pemulihan seperti digariskan dalam Pelan Pemulihan Negara," katanya.